

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

**DARIPADA : Dato' Shamsul Anuar bin Haji
Nasarah**

TARIKH : 16 November 2015 (Isnin)

**SOALAN : Dato' Shamsul Anuar bin Haji
Nasarah minta MENTERI
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS
TANI menyatakan kesan kejatuhan
nilai ringgit, kejatuhan harga minyak
dan perubahan iklim terhadap
pengeluaran makanan negara dan
apakah langkah Kementerian bagi
menghadapinya.**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kejatuhan harga minyak menyebabkan kejatuhan nilai Ringgit Malaysia (RM) yang memberi impak secara langsung terhadap aspek pengeluaran makanan negara. Ini kerana input-input aktiviti pertanian seperti racun, baja, mesin, bahan makanan haiwan dan ubat-ubatan kebanyakan adalah diimport daripada luar negara. Kenaikan harga input-input ini akan meningkatkan kos pengeluaran dan berpotensi untuk mengurangkan daya saing produk pertanian negara di pasaran antarabangsa.

Pengeluaran makanan dijangka tidak mengalami perubahan ketara dalam jangka masa singkat kesan daripada kenaikan atau penurunan harga input pertanian. Ini kerana pengeluaran agromakanan kurang anjal terhadap perubahan harga input dalam jangka masa pendek dan ia mengambil masa untuk bertindak balas.

Perubahan iklim yang menyebabkan kejadian cuaca melampau seperti kemarau yang panjang dan banjir besar akan memberikan kesan negatif terhadap pengeluaran makanan. Ini kerana produktiviti tanaman amat dipengaruhi

oleh keadaan “heat stress” dan kemarau. Kejadian banjir yang kerap akibat perubahan iklim akan memberikan impak terhadap infrastuktur makanan. Selain itu, perubahan iklim akan turut meningkatkan kemusnahan tanaman dan ternakan akibat makhluk perosak dan jangkitan penyakit. Ini seterusnya memberikan impak kepada akses makanan, bekalan dan kestabilan harga.

Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan termasuk melaksanakan inisiatif penggantian import (“import substitution”) iaitu dengan menghasilkan lebih banyak produk tempatan untuk menggantikan import. Di samping itu, Kerajaan juga akan turut mengkaji keperluan untuk menandatangani perjanjian jangka masa panjang dengan syarikat-syarikat di luar negara bagi menjamin bekalan dan menstabilkan harga.

Bagi mengatasi keadaan luar jangka seperti banjir besar dan kemarau, penetapan stok penimbal beras dan ikan untuk tempoh yang bersesuaian telah dilaksanakan.